

JKM lindungi mangsa

FOTO: BERNAMA

Amah didakwa dirogol Exco Perak kini diberi perlindungan

SERDANG

Pembantu rumah yang didakwa dirogol majikannya yang merupakan seorang Exco di Perak kini diletakkan di bawah jagaan dan tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, JKJ mengambil tindakan segera dengan meletakkan pembantu rumah terbabit di bawah perlindungan dan pemeliharaan jabatan tersebut.

"Tidak boleh katakan dia (pembantu rumah) tidak terbelah kerana bila sahaja dia membuat laporan polis terus polis mengambil tindakan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum Keibubapaan Kreatif Mendepani Cabaran Alaf Baru sempena Sambutan Hari Ibu Bapa Peringkat Kebangsaan 2019 di Universiti Putra Malaysia di sini semalam.

Ketua Polis Perak, Datuk Razarudin Husain dilaporkan berkata, Exco berkenaan yang ditahan atas dakwaan merogol pembantu rumah warga Indonesia telah dibebaskan dengan jaminan polis sementara siasatan dilengkapkan.

Razarudin berkata, Exco berkenaan turut menjalani pemeriksaan doktor bagi tujuan siasatan.

Pada 8 Julai, polis Perak menerima satu laporan daripada seorang wanita warga Indonesia berumur 23 tahun, mendakwa dia dirogol oleh majikannya yang juga seorang Exco kerajaan negeri Perak di rumahnya di Meru, Ipoh.

Sementara itu, ketika mengulas laporan muka hadapan sebuah akhbar tempatan semalam mengenai warga asing menjadikan gadis orang asli sebagai isteri semata-mata untuk dijadikan penama dalam usaha memohon lesen niaga, Dr Wan Azizah berkata, dakwaan tersebut merupakan suatu perkara yang memerlukan siasatan lanjut. - *Bernama*



Dr Wan Azizah (tengah) bersama Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh (dua dari kiri) melawat pameran di Universiti Putra Malaysia, Serdang semalam.

Amah akui masih trauma dengan kejadian

KUALA LUMPUR - Pembantu rumah warga Indonesia yang mendakwa dirogol oleh majikannya yang juga seorang Exco di Perak mengakui trauma dengan episod hitam yang menimpa dirinya pada 7 Julai lalu.

Kementerian Luar Negeri melalui wakilnya di Malaysia iaitu Pemangku Pengarah Perlindungan Warga Indonesia di Luar Negeri, Judha Nugraha menemui mangsa yang berusia 23 tahun itu di Ipoh Khamis lalu.

"Ketika dikunjungi, keadaan mangsa berada dalam keadaan baik wa-

laupun secara fizikalnya dia mengalami trauma," katanya seperti dilaporkan *Antara News* semalam.

Judha juga menegaskan, Kedutaan Indonesia akan memantau perkembangan siasatan terhadap suspek kes rogol berkenaan.

Katanya, mangsa juga diminta tinggal di Kedutaan Indonesia sehingga siasatan kes berkenaan selesai.

"Bagi memberikan ketenangan kepada mangsa, kami meminta mangsa tinggal di rumah perlindungan di Kedutaan Indonesia sementara siasatan dijalankan," katanya.

Mangsa sebelum ini membuat laporan polis dirogol suspek di sebuah kediaman di

Meru, Jelapang, Perak.

Ketua Polis Perak, Datuk Razarudin Husain berkata, berdasarkan bukti awal siasatan polis mengklasifikasikan kes itu mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana merogol.

Sementara itu, Paul Yong Choo Kiong yang dikaitkan dengan kejadian itu menafikan tuduhan kononnya beliau telah merogol pembantu rumahnya.

Menurutnya, beliau percaya pihak polis akan membuat siasatan secara profesional dan terus memberi kerjasama bagi membersihkan namanya.